



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 5 Mac 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Adu jika harga tidak munasabah

Ops Pantau 2025 bermula
Ahad lalu hingga Aidilfitri
pastikan peniaga patuhi
peraturan

Oleh **SYAJARATULHUDA
MOHAMAD ROSLI**
GEORGE TOWN

Pengguna perlu tampil membuat aduan di saluran disediakan pihak berkuasa sekiranya mendapati ada peniaga tidak meletakkan tanda harga atau harga jualan tidak munasabah di bazar Ramadan.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang, S Jegan berkata, aduan boleh dikemukakan melalui laman sesawang eAduan KPDN untuk siasatan dan

tindakan lanjut.

"Orang ramai diminta membuat laporan sekiranya mendapati ada mana-mana peniaga melanggar peraturan ditetapkan.

"Setakat ini, tiada aduan diterima berkaitan harga makanan di bazar Ramadan di sekitar negeri ini," katanya kepada *Sinar Harian*.

Jegan berkata, pengguna perlu cakna kesalahan dilakukan peniaga termasuk di bazar Aidilfitri, pasar awam, pasar basah, pasar raya dan kedai runcit.

Jelasnya, menerusi Ops Pantau 2025 dilancarkan, baru-baru ini, KPDN giat menjalankan pemantauan bagi memastikan peniaga mematuhi peraturan ditetapkan, khususnya sepanjang Ramadan dan menjelang Aidilfitri.

"Langkah ini bertujuan melindungi hak pengguna daripada tindakan peniaga tidak beretika termasuk kegagalan meletakkan tanda harga pada barangan dijual.

"Peniaga yang melanggar peraturan



JEGAN



Orang ramai diminta segera membuat aduan kesalahan dilakukan peniaga bazar Ramadan atau pasar di seluruh negeri.

boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011," katanya.

Jelasnya, Ops Pantau 2025 dilaksanakan secara harian di seluruh negara bertujuan memastikan harga barangan kekal terkawal dan tiada unsur pencatutan yang membebaskan rakyat.

Dalam pada itu, Jegan berkata, bagi aduan melibatkan kualiti makanan pula,

pengguna disarankan menyalurkannya kepada Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Terdahulu, KPDN melaksanakan Ops Pantau 2025 bermula Ahad lalu secara seragam dan berfokus di seluruh negara dengan lokasi tumpuan di bazar Ramadan, bazar Aidilfitri, pasar awam, pasar basah, pasar raya dan kedai runcit.



SEBAHAGIAN peniaga yang menjual Menu Rahmah di Bazar Ramadan Rahmah Madani di Sungai Tarom, Setiu semalam. – WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI

Beli juadah berbuka puasa serendah RM5

- **Menu Rahmah di Bazar Madani**
- **Lapan lokasi di seluruh Terengganu**

Oleh **KAMALIZA KAMARUDDIN**

KUALA TERENGGANU – Orang ramai berpeluang mendapatkan pelbagai Menu Rahmah berharga bawah RM5 menerusi penganjuran Bazar Ramadan Rahmah (BRR) Madani di sekitar Terengganu pada bulan Ramadan ini.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Terengganu, Mohd. Musfi Lat berkata, BRR Madani yang merupakan salah

satu inisiatif Payung Rahmah akan beroperasi di lapan lokasi di seluruh negeri ini.

"Lokasi pertama penganjurannya ialah di Sungai Tarom, Setiu (kelmarin) diikuti Chukai, Kemaman (5 Mac); Ajil, Hulu Terengganu (6 Mac) dan Sura Gate, Dungun (10 Mac).

"Lokasi seterusnya ialah Wakaf Tengah, Kuala Nerus pada 14 Mac ini diikuti Kampung Raja, Besut (15 Mac); Manir, Kuala Terengganu (21 Mac) dan terakhir Wakaf Dua, Marang (22 Mac)," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Mohd. Musfi berkata, Menu Rahmah berharga bawah RM5 terbabit merupakan makanan

berkhasiat dan lengkap nutrisi sebagai juadah berbuka puasa.

"Menu Rahmah ini diharap dapat membantu pengunjung terutama golongan berpendapatan rendah (B40) melakukan penjimatan.

"Seramai 2,000 pengunjung terawal juga berpeluang menebus baucar RM20 seorang melalui program Inisiatif Pendigitalisasi Runcit (Redi) bagi menggalakkan kaedah pembelian tanpa tunai," katanya.

Mohd. Musfi berkata, baucar program Redi melibatkan peruntukan keseluruhan RM40,000 boleh didapatkan di reruai yang disediakan di BRR Madani pada tarikh ditetapkan.

Lapan Bazar Rahmah beroperasi di Terengganu

KUALA TERENGGANU:

Orang ramai berpeluang mendapatkan pelbagai menu rahmah berharga bawah RM5 melalui penganjuran Bazar Ramadan Rahmah (BRR) Madani di lapan lokasi di negeri ini, tahun ini.

Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Terengganu, Mohd. Musfi Lat berkata, penganjurannya secara berperingkat adalah di bawah inisiatif Payung Rahmah.

"Lokasi pertama adalah di Sungai Tarom, Setiu, diikuti Chukai di Kemaman hari ini, Ajil di Hulu Terengganu (6 Mac) dan Sura Gate di Dungun (10 Mac).

"Lokasi seterusnya ialah di Wakaf Tengah, Kuala Nerus pada 14 Mac diikuti Kampung Raja di Besut (15 Mac), Manir di Kuala Terengganu (21 Mac) dan Wakaf Dua, Marang (22 Mac)," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, semalam.

Kerajaan tidak menetapkan sebarang mekanisme khas untuk kaedah pelaksanaan menu Rahmah tersebut namun yang penting, menu ditawarkan berkhasiat dan mana-mana peniaga yang menjual menu mereka di bawah harga RM5 boleh mempromosikan menu tersebut sebagai menu Rahmah.

"Menu Rahmah ini diharapkan dapat membantu penjimatan pengunjung bazar Ramadan terpilih terutama golongan berpendapatan rendah," katanya.

Menurutnya, seramai 2,000 pengunjung terawal berpeluang menebus RM20 seorang melalui program *Retail Digitalisation Initiative (REDi)* yang menggalakkan kaedah pembelian tanpa tunai di lapan bazar Ramadan tersebut.

Insentif disediakan kerajaan ini melibatkan peruntukan RM40,000 dan orang ramai yang hadir boleh mendapatkannya di reruai yang disediakan di bazar Ramadan pada tarikh ditetapkan.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Amalan mencampurkan beras tempatan dan import berlaku sejak 1970-an selepas penubuhan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) iaitu di bawah pentadbiran kerajaan terdahulu dan bukan ketika pemerintahan kerajaan sekarang.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, dapatan itu diperoleh hasil kajian Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ke atas industri padi dan beras sejak awal 2024.

Beliau berkata, MyCC merumuskan tujuan pencampuran ini demi memenuhi cita rasa pengguna tempatan serta untuk menghasilkan variasi jenama di pasaran.

"Hasil kajian berkenaan dibentangkan pada Mesyuarat Jawatan-kuasa Kabinet Mengenai Dasar Keterjaminan Makanan Negara (JKKMN) Bilangan 2 2024 pada 17 Disember 2024.

"Susulan Mesyuarat JKMMN dan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Disember 2024, Kementerian



MOHAMAD

'Campur beras ni dah lama'

Amalan campur BPT, BPI berlaku sejak 1970-an demi cita rasa pengguna

Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) diarahkan memperhalusi kaedah dan mekanisme terbaik mengawal percampuran beras putih tempatan (BPT) dan beras putih import (BPI) melalui perundangan.

"Serta merangka simulasi cadangan penetapan harga yang bersesuaian bagi kategori beras campuran secara komprehensif sebelum dikemukakan bagi pertimbangan Jemaah Menteri," katanya.

Mohamad berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan **Datuk Muslimin Yahaya (PN-Sungai Besar)** yang bertanya ke mana perginya BPT sedangkan keluasan sawah padi negara lebih 644,854 hektar dan mengeluarkan lebih 2.4 juta tan metrik padi semusim.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, mekanisme bagi mengawal percampuran turut mendapat sokongan MyCC sebagai kaedah penyelesaian masalah bekalan beras.

Menurutnya, berdasarkan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) dan perundangan subsidiari di bawahnya, tiada peruntukan khusus yang jelas bagi pendakwaan di mahkamah mengenai kesalahan percampuran beras. Justeru ka-

ta beliau, pada 13 Februari lalu, dua langkah diumumkan kerajaan sebagai usaha awal memastikan keseimbangan dalam industri iaitu menyelaraskan harga lantai belian padi daripada RM1,300 kepada RM1,500 bagi setiap tan metrik berkuat kuasa 16 Februari 2025.

"Penyelarasan ini dilaksanakan dengan mengambil kira kenaikan kos pengeluaran padi merangkumi kos upah dan kos input pertanian seperti baja, racun dan lain-lain serta impak kepada kos pengeluaran beras dan seterusnya memberi kesan kepada bekalan dan harga beras di pasaran," katanya.

Selain itu, katanya kerajaan juga bersetuju mengekalkan BPT pada harga RM2.60 sekilogram dengan menyerap sebahagian kos pengeluaran BPT sekitar RM150 juta untuk tempoh enam bulan mulai 1 Mac hingga 31 Ogos depan bagi memastikan keberadaan bekalan sebanyak 24 juta kimpit BPT 10 kilogram secara berperingkat di pasaran.

"Langkah ini untuk membantu rakyat terutama golongan berpendapatan rendah mendapat bekalan beras pada harga berpatutan dan seterusnya membantu mengurangkan kos sara hidup mereka," katanya.

Media bulan lalu melaporkan, 40 hingga 50 peratus BPI daripada 5,000 sampel yang dianalisis Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) disahkan bercampur dengan BPT.

Sidang Dewan Rakyat

Campur beras tempatan, import sejak 1970-an lagi

Mekanisme kawal campuran dapat sokongan MyCC sebagai kaedah tangani masalah bekalan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tindakan mencampurkan beras tempatan dan import berlaku sejak 1970-an lagi selepas penubuhan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN), bukannya baru berlaku ketika pentadbiran kerajaan sekarang.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata dapatan itu diperoleh hasil kajian dijalankan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ke atas industri padi dan beras sejak awal 2024.

Hasil kajian itu, MyCC juga merumuskan tujuan campuran ini adalah memenuhi cita rasa pengguna tempatan serta untuk menghasilkan variasi jenama di pasaran.

"Hasil kajian berkenaan sudah dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Keterjaminan Makanan Negara (JKKM) Bilangan 2 2024 pada 17 Disember 2024.

"Susulan Mesyuarat JKMMN dan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Disember 2024, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) diarahkan supaya memperhalusi kaedah dan mekanisme terbaik untuk mengawal percampuran berat putih tempatan (BPT) dan beras putih import (BPI) melalui perundingan.

"Serta merangka simulasi cadangan penetapan harga yang bersesuaian bagi kategori beras campuran secara komprehensif sebelum dikemukakan bagi pertimbangan Jemaah Menteri," katanya dalam jawapan bertulis menjawab soalan Datuk Muslimin Yahaya (PN-Sungai Besar), yang mahu tahu ke mana perginya beras tempatan untuk rakyat sedangkan keluasan sawah negara lebih 644,854 hektar dan mengeluarkan lebih 2.4 juta tan padi semusim.

Mekanisme disokong MyCC

Beliau berkata, mekanisme bagi mengawal campuran turut mendapat sokongan MyCC sebagai kaedah penyelesaian masalah bekalan beras.

Media bulan lalu melaporkan, kira-kira 40 hingga 50 peratus BPI daripada 5,000 sampel yang dianalisis Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) disahkan bercampur dengan BPT.

Pegawai Penyelidik Kanan Biologi Sains (Genetik) Pusat Penyelidikan Bioteknologi dan Na-



Mohamad pada sesi jawab lisan pada sidang Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

noteknologi MARDI, Mohd Shahril Firdaus Ab Razak, berkata kajian menggunakan teknologi pencapjarian asid deoksiribonukleik (DNA) beras itu dijalankan sepanjang 2023 dan 2024.

Mohamad berkata, berdasarkan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) dan perundangan subsidiari di bawahnya, tiada peruntukan yang khusus yang jelas bagi pendakwaan kes di mahkamah mengenai kesalahan percampuran beras.

Justeru, kata beliau, pada 13 Februari lalu, dua langkah diumumkan kerajaan sebagai usaha awal memastikan keseimbangan dalam industri iaitu menyelaraskan harga lantai belian padi daripada RM1,300 kepada

RM1,500 bagi setiap tan berkuat kuasa 16 Februari 2025.

"Penyelarasan ini dilaksanakan dengan mengambil kira kenaikan kos pengeluaran padi merangkumi kos upah dan kos input pertanian seperti baja, racun dan lain-lain serta impak kos pengeluaran beras dan seterusnya memberi kesan kepada bekalan dan harga beras," katanya.

Katanya, kerajaan juga bersejua mengekalkan BPT pada harga RM2.60 sekilogram dengan menyelarap sebahagian kos pengeluaran BPT sekitar RM150 juta untuk tempoh enam bulan mulai 1 Mac hingga 31 Ogos depan bagi memastikan keberadaan bekalan sebanyak 24 juta kimpit BPT 10 kilogram secara berperingkat di pasaran.

'Beras campur bagi penuhi cita rasa pengguna'

Mohamad berkata kajian mendapati tindakan itu berlaku sejak tahun 1970-an lagi

Oleh **TUAN BUQHAIRAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN
KUALA LUMPUR

Tindakan mencampurkan beras putih tempatan (BPT) bersama beras import bertujuan bagi memenuhi cita rasa pengguna tempatan selain untuk menghasilkan variasi jenama di pasaran.

Malah Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, dapatan kajian dijalankan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ke atas industri padi dan beras sejak awal tahun mendapati

tindakan itu berlaku sejak tahun 1970-an lagi selepas penubuhan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN).

"Kajian MyCC juga merumuskan tujuan campuran ini adalah memenuhi cita rasa pengguna tempatan serta untuk menghasilkan variasi jenama di pasaran," katanya menerusi jawapan bertulis menjawab soalan **Datuk Muslimin Yahaya (PN-Sungai Besar)**, yang ingin tahu

ke mana perginya beras tempatan untuk rakyat sedangkan keluasan sawah negara adalah lebih 644,854 hektar dan mengeluarkan lebih daripada 2.4 juta tan metrik padi semusim.

Menurut Mohamad, kajian berkenaan sudah dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Keterjaminan Makanan Negara (JKKMN) Bilangan 2 2024 pada 17 Disember 2024.

Katanya, KPKM telah diarahkan



MOHAMAD

supaya memperhalusi kaedah dan mekanisme terbaik untuk mengawal percampuran BPT dan beras import melalui perundangan.

Selain itu, beliau berkata, KPKM juga perlu merangka simulasi cadangan penetapan harga yang bersesuaian bagi kategori beras campuran secara komprehensif sebelum

dikemukakan bagi pertimbangan Jemaah Menteri.

Skandal beras campur terbongkar baru-baru ini selepas MARDI mendedahkan kira-kira 40 hingga 50 peratus beras putih import daripada 5,000 sampel dianalisis disahkan bercampur dengan BPT.

Kajian menggunakan teknologi pencapjarian asid deoksiribonukleik (DNA) beras itu dijalankan sepanjang 2023 dan 2024 dengan sampel beras diterima daripada pihak berkuasa iaitu Pejabat Kawal Selia Padi dan Beras dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang diambil daripada pengilang.

Analisis itu dilakukan bagi mengenal pasti hilangnya BPT di pasaran selaras dengan penubuhan Petugas Khas Operasi Bersepadu Beras Putih Tempatan pada tahun 2023.

Sementara itu, Mohamad menjelaskan tiada peruntukan khusus yang jelas bagi membolehkan pendakwaan kesalahan beras campur di mahkamah mengikut Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) dan perundangan subsidiari di bawahnya.

Tindakan mencampurkan beras putih tempatan bersama beras import bertujuan bagi memenuhi cita rasa pengguna tempatan selain untuk menghasilkan variasi jenama di pasaran.
- Gambar hiasan





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Anwar arah KPDN perhebat Ops Pantau 2025

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mesti menggandakan penguatkuasaan menerusi Ops Pantau 2025 sepanjang Ramadan dan menjelang Aidilfitri.

Setiausaha Akhbar Kanan kepada Perdana Menteri, Tunku Nashrul Abaidah, berkata perkara itu dinyatakan dalam pertemuan Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, semalam.

“Perdana Menteri mahu strategi intervensi dilaksana segera bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, jika terdapat gangguan bekalan.

“Perdana Menteri turut menegaskan KPDN perlu lebih tegas dalam memastikan peniaga mematuhi harga maksimum yang ditetapkan kerajaan, termasuk bagi barangan di bawah Skim Harga Maksimum Musim Peraan yang akan diumumkan kelak,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Taklimat Harian Pejabat Perdana Menteri semalam.

Selain itu Anwar mengingatkan semua pihak agar mengelakkan polemik berkaitan agama, Raja dan kaum (3R) dalam sebarang bentuk kenyataan atau tindakan, serta mengutamakan sikap saling menghormati dan kasih sayang dalam hidup bermasyarakat.

Anwar arah arah pantau harga makanan di Bazar Ramadan

PETALING JAYA – Perdana Menteri mengarahkan pemantauan harga makanan di Bazar Ramadan dipertingkat bagi mengelakkan pihak tertentu mengambil kesempatan menaikkan harga secara tidak wajar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pihaknya sendiri akan melawat beberapa Bazar Ramadan bagi melihat sendiri harga dan kualiti makanan secara langsung, di samping memberikan sokongan kepada peniaga kecil.

Perkara itu disampaikan melalui Taklimat Harian Pejabat Perdana Menteri (PMO) oleh Setiausaha Akhbar Kanan kepada Perdana Menteri, Tunku Nashrul Abaidah semalam.

"Perdana Menteri telah mengadakan pertemuan dengan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd. Ali bagi membincangkan isu-isu utama berkaitan kos sara hidup rakyat.

"Dalam pertemuan ini, beliau mengarahkan KPDN untuk menggandakan pemantauan dan penguatkuasaan menerusi Ops Pantau 2025," katanya.

Itu termasuk memastikan pemantauan dilakukan lebih kerap bagi menjamin bekalan barangan keperluan rakyat sepanjang Ramadan dan Aidilfitri sentiasa mencukupi.

"Perdana Menteri mahu strategi intervensi dilaksanakan segera bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sekiranya terdapat gangguan bekalan.

"Perdana Menteri turut menegaskan, KPDN perlu lebih tegas dalam memastikan peniaga mematuhi harga maksimum yang ditetapkan kerajaan termasuk bagi barangan di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan yang akan diumumkan kelak," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri memberi teguran kepada semua pihak dan menegaskan bahawa tindakan atau pertuturan yang menyentuh isu 3R (raja, kaum dan agama) hanya akan menggugat keharmonian negara dan tidak seharusnya berulang.

"Sehubungan itu, beliau mengingatkan semua pihak agar mengelakkan polemik 3R dalam sebarang bentuk kenyataan atau tindakan serta mengutamakan sikap hormat-menghormati," katanya.



PENIAGA di bazar Ramadan diingatkan tidak menaikkan harga sesuka hati demi kebaikan semua pihak. – GAMBAR HIASAN

Pastikan bekalan keperluan mencukupi

PM arah ganda penguatkuasaan

Oleh **FITRI NIZAM**

utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup diarahkan untuk menggandakan pemantauan dan penguatkuasaan menerusi Ops Pantau 2025 bagi memastikan bekalan keperluan rakyat sepanjang Ramadan dan Aidilfitri mencukupi.

Setiausaha Akhbar Kanan kepada Perdana Menteri, Tunku Nashrul Abaidah berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu kementerian itu menggunakan strategi intervensi dilaksanakan segera bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan sekiranya terdapat gangguan bekalan.

Katanya, arahan itu dikeluarkan susulan pertemuan Perdana Menteri dengan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali bagi membincangkan isu-isu utama berkaitan kos sara hidup rakyat.

“Perdana Menteri turut menegaskan bahawa kementerian perlu lebih tegas dalam memastikan peniaga mematuhi harga maksimum yang ditetapkan kerajaan, termasuk bagi barangan di bawah Skim Harga Maksimum

Musim Perayaan yang akan diumumkan kelak.

“Selain itu, Perdana Menteri mengarahkan pemantauan harga makanan di Bazar Ramadan dipertingkat bagi mengelakkan pihak tertentu mengambil kesempatan menaikkan harga secara tidak wajar,” katanya pada Taklimat Harian Pejabat Perdana Menteri semalam.

Tunku Nashrul berkata, Perdana Menteri sendiri akan melawat beberapa Bazar Ramadan bagi melihat sendiri harga dan kualiti makanan secara langsung, di samping memberikan sokongan kepada peniaga-peniaga kecil.

“Beliau juga mengarahkan supaya ditingkatkan kekerapan Program Jualan Rahmah Madani sepanjang bulan Ramadan dan menjelang bulan Syawal,” katanya.

Dalam pada itu, Tunku Nashrul berkata, Perdana Menteri menyifatkan tindakan 57 ahli Parlimen pembangkang yang tidak menyokong pindaan Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) 2025 sebagai mengkhianati usaha reformasi institusi Parlimen.

“Namun ini tidak mengejutkan memandangkan gerombolan yang sama telah merobek demokrasi Parlimen dengan me-

nyekat sidang Dewan Rakyat sebelum ini,” katanya.

Katanya, Perdana Menteri menyampaikan penghargaan kepada ahli Parlimen yang memberi dukungan penuh kepada pindaan itu yang menjadi reformasi penting dalam memberikan kematangan kepada sistem demokrasi negara.

RUU Perlembagaan (Pindaan) 2025 yang bertujuan mereformasi institusi serta penambahbaikan terhadap institusi demokrasi, diluluskan Dewan Rakyat selepas 148 ahli Parlimen bersetuju, 57 tidak mengundi dan 17 lain tidak hadir.

Sementara itu, Tunku Nashrul berkata, Perdana Menteri menegur pihak yang menyentuh isu 3R atau raja, bangsa, dan agama dan menegaskan bahawa tindakan yang menyentuh perkara itu tidak seharusnya berlaku.

“Sehubungan itu, beliau mengingatkan semua pihak agar mengelakkan polemik 3R dalam sebarang bentuk kenyataan atau tindakan, serta mengutamakan sikap hormat-menghormati dan kasih sayang dalam hidup bermasyarakat,” katanya.

Katanya, Perdana Menteri menekankan kepentingan untuk menghayati prinsip Rukun Negara selaku asas perpaduan.

Tetap ke bazar Ramadan walau harga naik



NORSHAMILA Arman (kiri) dan **Amie Suhaila Amizan** menunjukkan ayam goreng berempah dan nasi ayam untuk juadah berbuka puasa di Bazar Ramadan Tun Abdul Razak Jengka di Maran, Pahang. - **UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD**

MARAN: Kenaikan harga jualan makanan dan minuman antara 10 ke 20 peratus tidak menghalang orang ramai mengunjungi Bazar Ramadan Bandar Tun Abdul Razak di sini.

Setiap kali ketibaan Ramadan, bazar itu yang dikelilingi 37 rancangan FELDA Wilayah Jengka menjadikannya lokasi tumpuan penduduk dan sebagai destinasi utama bagi mendapatkan juadah berbuka puasa.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, pengunjung berpu-su-pusu membeli makanan dan minuman kegemaran di bazar itu walaupun terdapat kenaikan harga jualan akibat lonjakan kos bahan mentah.

Peniaga, Mohd. Nazrin Zaina Abidin, 48, berkata, kenaikan

harga makanan sebanyak 50 sen perlu bagi menampung kos bahan mentah.

Peniaga, Azizan Che Mee, 48, dari FELDA Jengka 11 yang menjual aneka kek dan pemanis mulut turut merasai tekanan kenaikan kos bahan mentah seperti santan dan mentega.

Katanya, walaupun harga barang naik, beliau berusaha menawarkan harga berpatutan kerana memahami keadaan ekonomi pelanggan sekali gus berharap ekonomi negara bertambah baik.

Pengunjung, Mohd. Hisyam Sopian, 64, berkata, walaupun ada sedikit kenaikan harga, tetapi masih berbaloi kerana makanan di bazar berkenaan terkenal dengan rasa dan kualiti yang baik.

MIRI: A routine operation by the Marine Intelligence Unit (URM) of the Tactical Headquarters of Marine Police Region 5, Miri, led to the discovery and seizure of suspected smuggled diesel and a vehicle.

At approximately 4.50pm on Monday, a team consisting of one officer and four personnel was conducting Op Taring Landai when they intercepted a white Toyota Hilux single-cab pick-up truck parked by the roadside on Jalan Melor, Bekenu near here.

Upon inspection, the vehicle, driven by a 46-year-old man, was found carrying a load suspected to be diesel fuel.

Authorities determined the case to be in violation of the Supply Control Act 1961. As a result, both the vehicle and the diesel were confiscated, amounting to a total estimated value of RM105,000.

The seized items, along with the arrested individual, have been handed over to the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) for further investigation and action.

Marine police seize diesel and vehicle following arrest of suspect

THE seized diesel.





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 5 MAC 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
5-Mar	Buat aduan jika peniaga tidak letak tanda harga, jual harga tidak munasabah	https://www.sinarharian.com.my/article/715840/edisi/utara/buat-aduan-jika-peniaga-tidak-letak-tanda-harga-jual-harga-tidak-munasabah#google_vignette	SINAR HARIAN
5-Mar	Amalan campur BPT, BPI untuk penuhi selera pengguna, variasi jenama - MyCC	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/03/1193062/amalan-campur-bpt-bpi-untuk-penuhi-selera-pengguna-variasi-jenama	HARIAN METRO
5-Mar	Campur beras berlaku sejak tahun 70-an – Mohamad Sabu	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/campur-beras-berlaku-sejak-tahun	UTUSAN MALAYSIA
5-Mar	Campur beras tempatan dan import sudah berlaku sejak 1970-an – Mat Sabu	https://www.buletintv3.my/nasional/campur-beras-tempatan-dan-import-sudah-berlaku-sejak-1970-an-mat-sabu/#google_vignette	TV3
5-Mar	Campur beras tempatan dan import sudah berlaku sejak 1970-an: Mat Sabu	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1368217/campur-beras-tempatan-dan-import-sudah-berlaku	BERITA HARIAN
5-Mar	Rice mixing has been going on since 1970s, says Mohamad Sabu	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/03/1183405/rice-mixing-has-been-going-1970s-says-mohamad-sabu	NEW STRAITS TIMES
5-Mar	Pastikan keselamatan data pengguna aplikasi minyak masak bersubsidi, gesa Fomca	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/03/04/pastikan-keselamatan-data-pengguna-aplikasi-minyak-masak-bersubsidi-gesa	FREE MALAYSIA

5-Mar	Mobile app to track subsidised cooking oil sales	https:// www.thestar.com.my/news/ nation/2025/03/04/mobile- app-to-track-subsidised- cooking-oil-sales	THE STAR
5-Mar	KPDN lancar 95 Bazar Ramadan Rahmah 2025 di seluruh negara	https:// malaysia- tribune.news/2025/03/04/kpdn- lancar-96-bazar-ramadan- rahmah-2025-di-seluruh-negara/	MALAYSIA TRIBUNE
5-Mar	KPDN keluar 22 kompaun bernilai RM6,600	https://www.buletintv3.my/ nasional/kpdn-keluar-22- kompaun-bernilai-rm6600/	TV3
5-Mar	Ops Pantau: Lebih 3,000 pemeriksaan, keluar kompaun RM6,600	https:// www.sinarharian.com.my/ article/715893/berita/ nasional/ops-pantau-lebih- 3000-pemeriksaan-keluar-	SINAR HARIAN
5-Mar	Ops Pantau: Perak dan Selangor catat kes kesalahan tertinggi – Fuziah Salleh	https:// malaysia- tribune.news/2025/03/04/ops- pantau-perak-dan-selangor-catat -kes-kesalahan-tertinggi-fuziah-	MALAYSIA TRIBUNE
5-Mar	Lebih 3,000 pemeriksaan menerusi Ops Pantau di seluruh negara - Fuziah	https:// www.hmetro.com.my/ mutakhir/2025/03/1193326/ lebih-3000-pemeriksaan- menerusi-ops-pantau-di- seluruh-negara-	HARIAN METRO
5-Mar	KPDN enforcement conducts over 3,000 inspections under Ops Pantau nationwide	https://thesun.my/malaysia- news/kpdn-enforcement- conducts-over-3000- inspections-under-ops- pantau-nationwide- JD13761459	THE SUN
5-Mar	KPDN diarah ganda pemantauan, penguatkuasaan sepanjang Ramadan	https://www.buletintv3.my/ nasional/kpdn-diarah-ganda -pemantauan- penguatkuasaan-sepanjang -ramadan/	TV3

5-Mar	Perdana Menteri arah KPDN pantau bekalan keperluan sepanjang Ramadan, Aidilfitri	https:// www.utusan.com.my/ nasional/2025/03/perdana- menteri-arah-kpdn-pantau- bekalan-keperluan- sepanjang-ramadan- aidilfitri/	UTUSAN MALAYSIA
5-Mar	PM arah KPDN ganda pemantauan, penguatkuasaan sepanjang Ramadan	https:// www.bharian.com.my/ berita/ nasional/2025/03/1368501/ pm-arah-kpdn-ganda- pemantauan- penguatkuasaan-sepanjang- -ramadan	BERITA HARIAN
5-Mar	PM arah pemantauan harga makanan di Bazar Ramadan	https:// www.astroawani.com/berita- -malaysia/pm-arah- pemantauan-harga- makanan-di-bazar-ramadan- -511051	ASTRO AWANI
5-Mar	Anwar arah pantau harga makanan di Bazar Ramadan	https:// www.kosmo.com.my/2025/ 03/04/anwar-arah-pantau- harga-makanan-di-bazar- ramadan/	KOSMO
5-Mar	PM arah KPDN pastikan bekalan barangan keperluan mencukupi	https:// www.sinarharian.com.my/ article/715874/berita/ nasional/pm-arah-kpdn- pastikan-bekalan-barangan- keperluan-mencukupi	SINAR HARIAN
5-Mar	Ramadan: Anwar arah KPDN ganda pemantauan barangan keperluan rakyat	https:// www.hmetro.com.my/amp/ mutakhir/2025/03/1193252/ ramadan-anwar-arah-kpdn- ganda-pemantauan- barangan-keperluan-rakyat	HARIAN METRO
5-Mar	'Petaling Street' digempur, KPDN rampas 5,500 pelbagai barangan tiruan	https://www.buletintv3.my/ nasional/petaling-street- digempur-kpdn-rampas- 5500-pelbagai-barangan- tiruan/	TV3
5-Mar	Lelaki cuba seleweng minyak diesel diberkas	https:// www.utusanborneo.com.my/ /2025/03/04/lelaki-cuba- seleweng-minyak-diesel- diberkas	UTUSAN BORNEO
5-Mar	Polis Sarawak Patahkan Cubaan Seludup Minyak Diesel Di Miri	https://www.bernama.com/ bm/jenayah_mahkamah/ news.php?id=2398896	BERNAMA